


KERATAN AKHBAR

NAMA AKHBAR: BERITA HARIAN (NASIONAL)

TARIKH: 06 OKTOBER 2019

MUKA SURAT: 07



Mohamad Hamdan (tengah) bersama pasukan JBPM Kontinjen Perak yang muncul juara Kejuhan Bola Sepak Piala Ketua Pengarah JBPM di Stadium Sultan Ismail Nasiruddin Shah, di Kuala Terengganu, semalam.

(Foto Ghazali Kori/BH)

Kerajaan diharap lulus elaun perkhidmatan kebombaanan

Kuala Terengganu: Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) berharap elaun perkhidmatan kebombaanan yang dimohon sejak tiga tahun lalu dapat diluluskan dalam Belanjawan 2020.

Ketua Pengarah JBPM, Datuk Mohammad Hamdan Wahid, berkata elaun RM200 sebulan yang dimohon dapat memberi manfaat kepada 14,500 anggota dan pegawai bomba di seluruh negara.

Katanya, permohonan sudah dibentangkan melalui Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan dalam usaha pemerkasaan tugas kebombaanan dan keselamatan kebakaran.

"Kita sudah tuntutan elaun perkhidmatan kebombaanan ini sejak tahun 2015.

 **Kita harap kerajaan dapat memberi pertimbangan sewajarnya bagi memperkasakan tugas kebombaanan.**

Mohammad Hamdan,
Ketua Pengarah JBPM

"Elaun terbabit dapat memberi manfaat kepada anggota terendah hingga ke pegawai tertinggi seperti yang diterima oleh Polis Diraja Malaysia (PDRM) dan Angkatan Tentera Malaysia (ATM)

dan Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM)," katanya pada majlis penutupan Kejuhan Bola Sepak Piala Ketua Pengarah JBPM di Stadium Sultan Ismail Nasiruddin Shah, di sini, semalam.

Mohammad Hamdan berkata, selain elaun terbabit permohonan JBPM bagi peruntukan Belanjawan 2020 turut merangkumi logistik, aset, penyelenggaraan, pemodenan kebombaanan dan pemerkasaan modal insan.

"Perkara itu merangkumi pembinaan 11 balai bomba baharu di seluruh negara termasuk kelas E yang disasar untuk pedalaman Sabah dan Sarawak.

"Kita harap kerajaan dapat memberi pertimbangan sewajarnya bagi memperkasakan tugas kebombaanan," katanya.